



Surat Perakuan Kenderaan Perlantikan & Kebenaran Dari Pihak Ketiga oleh Pemilik

Tarikh:

Etiqua General Takaful Berhad ("ETIQA")

Level 13, Tower B
Dataran Maybank
No. 1, Jalan Maarof
59000 Bangsar
Kuala Lumpur

Tuan/ Puan

PELANTIKAN & KEBENARAN DARI PIHAK KETIGA OLEH PEMILIK

Saya/Kami, dengan ini mengaku dan mengesahkan bahawa Saya/Kami adalah pemilik kenderaan yang didaftarkan dengan Nombor Pendaftaran ("Kenderaan") yang mana ianya masih wujud pada tarikh pengakuan ini, dan bahawasanya Saya/Kami mempunyai kepentingan yang sah dan ia mempunyai nilai yang boleh dilindungi. Saya/Kami dengan ini memberi kuasa kepada (sila nyatakan nama Pihak Ketiga), (No. MyKad/ No. Pendaftaran Syarikat), sebagai wakil Saya/Kami untuk membuat pengakuan berikut bagi pihak Saya/Kami (*Sila tanda yang mana berkenaan*):

- ☐ Untuk tujuan perlindungan baru Kenderaan
- ☐ Untuk tujuan pembaharuan perlindungan Kenderaan (No. Sijil:)
- ☐ Untuk tujuan perubahan maklumat didalam Sijil sedia ada (No. Siji:)
- ☐ Untuk tujuan pengembalian semula Sijil, dimana:

Saya/Kami mengesahkan dan mengaku bahawa Kenderaan tersebut berada dalam keadaan selamat dan layak dipandu dan bahawasanya Saya/Kami tidak mempunyai sebarang maklumat mengenai sebarang perkara dan/atau keadaan yang boleh menyebabkan kenderaan tersebut tertakluk kepada sebarang bentuk rampasan dan/atau pelaksanaan prosiding di bawah undang-undang..

- ☐ Untuk tujuan perbezaan nilai dilindungi berbanding dengan nilai pasaran semasa dimana:

- Saya/Kami dengan ini bersetuju untuk ETIQA melindungi kenderaan Saya/Kami pada Jumlah Dilindungi iaitu RM..... bagi tempoh yang bermula dari sehingga
- Saya/Kami mengakui, memahami dan mengesahkan bahawa Saya/Kami telah diberi peringatan oleh ETIQA mengenai perkara-perkara berikut:
 - a) Bahawa Saya/Kami perlu memastikan yang Kenderaan Saya/Kami dilindungi mengikut **nilai pasaran semasa** kerana ia akan memberi kesan kepada jumlah tuntutan Saya/Kami sekiranya berlaku kehilangan/ kerosakan. Nilai pasaran semasa adalah kos semasa untuk menggantikan Kenderaan Saya/Kami dengan kenderaan lain dimana pembuatan, model, usia dan keadaan umumnya adalah sama dengan kenderaan Saya/Kami.
 - b) Jika **nilai pasaran Kenderaan Saya/Kami adalah lebih rendah daripada yang sepatutnya (iaitu pada nilai yang lebih rendah daripada nilai pasaran semasa)**, jumlah perbezaan tersebut adalah di bawah tanggungan Saya/Kami

sendiri, iaitu, jika berlaku kehilangan/ kerosakan, Saya/Kami akan hanya dibayar sebahagian ganti rugi iaitu terhad kepada bahagian yang dilindungi oleh ETIQA seperti pengiraan yang tertera di bawah:

$\frac{\text{Jumlah Dilindungi}}{\text{Nilai Pasaran}} \times \text{Kerugian}$
--

- c) Jika **nilai pasaran Kenderaan Saya/Kami adalah lebih tinggi daripada yang sepatutnya (iaitu pada nilai yang lebih tinggi daripada nilai pasaran semasa)**, jumlah pampasan maksimum yang akan diterima oleh Saya/Kami dari ETIQA adalah nilai pasaran semasa kenderaan tersebut.

Saya/Kami sedar bahawa pengakuan Saya/Kami ini merupakan representasi kepada ETIQA daripada pelbagai perkara yang dinyatakan didalamnya, dan sebagai balasan kepada persetujuan ETIQA untuk memberikan Saya /Kami dengan perlindungan takaful yang berkenaan untuk Kenderaan tersebut, Saya/Kami seterusnya bersetuju bahawa isi kandungan perakuan Saya/Kami di dalam surat ini hendaklah menjadi sebahagian daripada syarat kontrak takaful yang akan dimeterai antara ETIQA dan Saya/Kami.

Merujuk kepada perakuan Saya/Kami di dalam ini, Saya/Kami mengakui bahawa ETIQA tidak akan bertanggungjawab untuk melayan sebarang tuntutan berkenaan dengan Kenderaan sekiranya pengakuan Saya/Kami ini didapati tidak betul dan tidak benar.

Saya/Kami seterusnya bersetuju untuk mengaku dan untuk menanggung rugi sepenuhnya bagi pihak ETIQA berkenaan dengan semua liabiliti, tuntutan, tindakan, saman, prosiding, ganti rugi, kos, perbelanjaan atau kerugian yang ETIQA berkemungkinan akan menanggung dan/atau tertakluk kepada dan/atau yang akan dibayar oleh ETIQA kepada mana-mana pihak atas sebab bertindak berdasarkan pengakuan dan pernyataan saya/kami.

Saya/Kami sedar bahawa membuat pengakuan palsu akan membuat Saya/Kami bertanggungjawab untuk kedua-dua sekatan dan/atau penalti sivil dan jenayah di bawah undang-undang.

Nota:

Jika cukai jalan telah tamat tempoh lebih setahun, kenderaan perlu di bawa ke Puspakom untuk melakukan pemeriksaan.

Yang Benar,

Saksi,

Nama/ Nama Syarikat :
No. MyKad/ No. Pendaftaran Syarikat :
No. Telefon :

Nama
No. MyKad